



**KHUTBAH : SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN  
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR YANG KE-67  
" KEPIMPINAN MERUPAKAN AMANAH  
DAN TANGGUNGJAWAB "**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ  
جَاعِلٌ فِي الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَنْ  
يُّفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ  
وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ .

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ  
وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ  
اَجْمَعِيْنَ.

اَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.

Sempena menyambut Ulangtahun Keputeraan yang ke-67 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, marilah kita sebagai rakyat Negeri Selangor, mengucap syukur Alhamdulillah dan memohon doa ke hadrat Allah SWT semoga Raja kita dilanjutkan usia, berada dalam keadaan sihat walafiat, selamat dan sejahtera hendaknya.

Seterusnya Tuanku sentiasa mendapat hidayah dan inayah Allah SWT untuk meneruskan pemerintahannya dengan adil dan saksama, Negeri Selangor dalam keadaan aman makmur, rakyatnya bersatu-padu, ekonominya meningkat dan beroleh keredhaan Allah SWT.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **“Kepimpinan Merupakan Amanah dan Tanggungjawab”**.



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kepimpinan merupakan perkara asas yang wujud dalam kehidupan. Fungsi kepemimpinan wujud di semua peringkat masyarakat mengikut tahap-tahap dan tugas-tugas tertentu. Seorang individu sekurang-kurangnya menjadi pemimpin kepada dirinya. Seorang individu mungkin merupakan ketua keluarga, ketua pertubuhan atau organisasi dan ketua negara. Ringkasnya, setiap individu mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya.

Hadis daripada Ibn Umar R.A bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

*"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu adalah bertanggungjawab terhadap pimpinannya, seorang ketua negara adalah penjaga dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang suami adalah penjaga keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap keluarganya, seorang isteri adalah penjaga rumahtangga suaminya dan dia bertanggungjawab terhadap yang dipimpinya, seorang khadam (pembantu) adalah penjaga terhadap harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadap dipimpinya".* (Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, kita semua adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga setiap apa yang diamanahkan kepadanya. Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah dan tanggungjawab bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam merupakan agama yang meliputi dan menyentuh segala aspek kehidupan. Dalam aspek kepimpinan, Islam telah meletakkan beberapa panduan untuk diteladani. Antaranya:

Pertama : Kepimpinan dalam Islam adalah amanah dan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan, dipertanggungjawabkan dan tidak boleh diterima dan dipikul secara sambil lewa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ  
كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

*"Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah (tanggungjawab agama) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya. (Pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikul amanah itu. (Ingatlah) sesungguhnya*



(kebanyakan) manusia adalah suka melakukan kezaliman dan amat bodoh”.

Kedua : Kepimpinan, jawatan dan pangkat dalam Islam bukanlah suatu perkara yang ditagih dan diminta-minta.

Rasulullah S.A.W. pernah menegur seorang sahabat bernama Abdul Rahman bin Samurah kerana meminta dilantik ke suatu jawatan. Baginda S.A.W. menasihatkannya dengan sabda Baginda:

لَا تَسْأَلُ الْإِمَارَةَ، فَإِنَّكَ إِنْ أُوتِيَتْهَا  
عَنْ مَسْأَلَةٍ وَكَلْتَهُ إِلَيْهَا، وَإِنْ  
أُوتِيَتْهَا مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ أَعْنَتْ  
عَلَيْهَا.

“Janganlah kamu meminta jawatan kerana apabila kamu diberi jawatan kerana meminta-minta, maka kamu akan dipertanggungjawabkan dengan jawatan itu sepenuhnya, akan tetapi jika kamu diberi jawatan tanpa meminta, maka kamu akan dibantu dalam melaksanakannya”.

(Riwayat al-Bukhari)

Ketiga : Kepimpinan dalam Islam merupakan tugas besar yang memerlukan kesediaan rohani dan jasmani. Sekiranya



seorang individu itu lemah dan tidak berkemampuan, maka amanah dan tanggungjawab tidak boleh diterima apatah lagi diminta-minta. Abu Dzar RA pernah bertanya kepada Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Wahai Rasulullah kenapa engkau tidak memberi jawatan kepada saya? Baginda langsung menepukkan tangannya di atas bahu, kemudian bersabda, "Ya Abu Dzar, sesungguhnya engkau ini lemah dan jawatan itu amanah, pada hari kiamat ia akan menjadi penghinaan dan penyesalan kecuali bagi orang yang mengambilnya dengan haknya dan menunaikan hak jawatan yang menjadi kewajipannya".*

*(Riwayat Muslim)*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kepimpinan dalam Islam bersifat sepadu kerana Islam tidak hanya terbatas dalam urusan dunia atau urusan akhirat semata-mata. Tetapi ajaran Islam meliputi segala urusan dunia dan akhirat, rohani dan jasmani, spiritual dan material bagi tujuan mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Justeru, pemimpin dalam Islam mestilah dipilih dari kalangan orang-orang yang bertakwa, berilmu, berwibawa dan berkelayakan bagi memenuhi segala tuntutan di atas. Penyerahan kuasa kepada orang yang tidak berkelayakan dan sesuai menurut Islam adalah mengkhianati perintah Allah dan Rasul-Nya.



Pemimpin bertanggungjawab menjaga dirinya daripada melakukan perbuatan mungkar dan keji. Pemimpin bertanggungjawab menjaga segala perkara berkaitan akidah, syariat dan akhlak agar selari dengan kehendak dan tuntutan Islam. Pemimpin bertanggungjawab melaksanakan segala kewajipan dan tugas-tugas yang dipikulkan ke atasnya dengan baik, amanah, bertanggungjawab dan adil.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 58:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu telah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*

Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah berat yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Kelalaian dan kegagalan pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah sama ada sebagai pemimpin keluarga atau rumah tangga, masyarakat atau negara akan mengakibatkan penyesalan dan kerugian di akhirat kelak. Justeru, setiap pemimpin dalam pelbagai peringkat mestilah berusaha mempertingkatkan



kualiti diri dan kualiti kepimpinan ke tahap yang paling cemerlang. Ingatlah kepimpinan dalam Islam bukanlah alat untuk memperoleh kekayaan, pangkat dan kesenangan hidup di dunia, malah ianya merupakan amanah berat yang dikendong dan wajib ditunaikan serta akan dipersoalkan oleh Allah di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Untuk menjadi pemimpin yang cemerlang, Rasulullah S.A.W. merupakan contoh teladan terunggul yang selayaknya diteladani. Baginda merupakan contoh ayah, suami, datuk dan rakan yang pengasih dan penyayang serta dikasihi oleh mereka yang berada disekelilingnya. Baginda bukan saja pemimpin agama yang memurnikan keyakinan dan akidah umat manusia dari kegelapan kepada cahaya kebenaran. Bahkan Baginda sendiri adalah pemimpin yang berjaya menyusun pemerintahan terunggul meliputi segala bidang kehidupan manusia, politik, pentadbiran, pertahanan negara, ekonomi, pendidikan, kehidupan sosio budaya masyarakat dan sebagainya. Baginda juga seorang penggubal undang-undang, pembina akhlak dan nilai moral yang tinggi lagi terpuji. Bahkan dikalangan para nabi dan rasul, baginda adalah rasul terulung dan teragung.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ  
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

*"Sesungguhnya, bagi kamu pada diri Rasulullah itu model ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan)*





*Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Kesimpulan khutbah yang dapat diambil pada hari ini ialah:

- Pertama : Kepimpinan adalah amanah dan tanggungjawab yang berat melibatkan semua lapisan individu dan masyarakat.
- Kedua : Kepimpinan dalam Islam bersifat sepadu yang berkonsepkan wasatiah atau keseimbangan pembangunan urusan duniawi dan ukhrawi, rohani dan jasmani, spiritual dan material untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- Ketiga : Rasulullah S.A.W merupakan contoh teladan terunggul yang selayaknya diteladani dalam soal kepimpinan dan segala urusan kehidupan bagi mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat.
- Keempat : Pemimpin Islam mestilah berusaha mewujudkan keamanan dan ketenteraman dalam wilayah di bawah pimpinannya, supaya rakyat dapat memperoleh kesejahteraan hidup.
- Kelima : Pemimpin akan menghadapi mahkamah Allah di akhirat, sekiranya cuai dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpinya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 ﴿٢٢﴾ أَحْشُرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجَهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ  
 ﴿٢٣﴾ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَأَهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيمِ  
 ﴿٢٤﴾ وَقِفُوهُمْ إِنَّهُمْ مَسْئُولُونَ

(Allah berfirman kepada para malaikat): "Himpunkanlah orang yang zalim itu, dan teman-teman karib mereka (syaitan-syaitan), serta sembahhan-sembahhan yang mereka sembah selain Allah serta hadapkanlah mereka ke jalan yang membawa ke neraka dan tahanlah mereka (di tempat perhentian), kerana sesungguhnya mereka akan disoal".

(As-Shaffat : 22-24)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ  
 وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
 الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
 السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاه



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَإِلْكَرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat dan menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.